

Headline	Masih ramai tidak sedar kepentingan meletak penama akaun Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	23 Nov 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	16	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	271 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 879
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,637



## Masih ramai tidak sedar kepentingan meletak penama akaun Tabung Haji

**KANGAR:** Sikap pendeposit Lembaga Tabung Haji (TH) yang memandang remeh keperluan meletak penama akaun yang berhak ke atas simpanan yang dibuat hanya akan menyusahkan waris mereka khususnya apabila berlaku kematian.

Pengarah TH Perlis, Amat Kassim Pait berkata umumnya pendeposit tidak menyedari keperluan itu sehingga pendeposit meninggal dunia menyebabkan simpanan mereka menjadi pusaka yang perlu melalui banyak proses sebelum

pembayaran boleh dibuat.

“Saya bersyukur kerana 66 peratus daripada penduduk Perlis adalah merupakan 150,000 orang pendeposit di Tabung Haji, namun kira-kira 50,000 pendeposit sahaja yang telah menamakan sahaja yang telah menamakan pewaris akaun mereka.

“Kesusahan pendeposit turut ditanggung oleh TH sehinggalah pembayaran selesai yang mungkin mengambil masa sehingga dua tahun,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kembali ke sekolah di

bawah program Iqra’ TH 2016 Peringkat Negeri Perlis di Sekolah Kebangsaan Salang di sini, semalam.

Amat Kassim berkata TH sedaya upaya melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin untuk memenuhi kewajipan terhadap pendeposit yang memberi kepercayaan kepada agensi itu sebagai pemegang amanah.

Beliau berkata peningkatan kepercayaan orang ramai terhadap TH mendorong pencapaian sasaran peningkatan pendeposit kepada 80 peratus

menjelang tahun hadapan.

Terdahulu Amat Kassim menyampaikan zakat pendidikan sebanyak RM43,500 kepada 87 pelajar asnaf dari tujuh sekolah terpilih dalam kawasan Kangar. Setiap pelajar menerima wang tunai RM200 dan kelengkapan sekolah bernilai RM300.

Di bawah program itu yang dilaksanakan sepanjang bulan ini, TH memberi sumbangan berjumlah RM2 juta kepada 4,000 pelajar asnaf terpilih di setiap negeri di seluruh negara. — Bernama



**BANTU:** Izmi (tengah) dan Pengarah Tabung Haji Negeri Perlis Amat Kassim Pait bergambar kenangan bersama penerima sumbangan pada Program Iqra Tabung Haji di Sekolah Kebangsaan Kampung Salang dekat Kangar, semalam. — Gambar Bernama